

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

YKT 208 - Teknologi Komunikasi

Masa: [3 jam]

Jawab **EMPAT** (4) soalan.

1. "Teknologi komunikasi tidak berpihak. Baik atau buruknya terpulang kepada siapa yang mengendalikannya." Nilaikan pendapat ini secara kritis dengan menyertakan contoh-contoh yang bernalas. (25 markah)
2. Bincangkan pendapat yang menyatakan satu-satunya cara negara-negara dunia ketiga, (ND3) untuk membangun ialah dengan memindahkan teknologi Barat ke negara masing-masing dengan bantuan perbadanan antarabangsa. (25 markah)
3. "Perkembangan pesat teknologi maklumat mengakibatkan dunia yang lebih seimbang." Bincangkan kenyataan ini secara kritis dari sudut perspektif Dunia Ketiga. (25 markah)
4. "Kemunculan teknologi seperti sistem teleteks dan videoteks sebagai media penyebaran maklumat elektronik akan menjelaskan industri persuratkhabaran." Nyatakan pendirian anda terhadap kenyataan ini dengan mengemukakan hujah menyokong atau menentang. (25 markah)
5. Dengan menyediakan contoh-contoh yang jelas, bincangkan sejauhmana benarnya dakwaan bahawa perkembangan pesat teknologi komunikasi membawa implikasi buruk terhadap pekerjaan dan golongan pekerja. (25 markah)
6. Baca petikan lidah pengarang yang tersiar dalam akhbar Mingguan Malaysia, 11 Januari 1987 di lampiran berikut dengan teliti. Pada pendapat anda, apakah jenis pandangan yang cuba diketengahkan oleh pengarang? Adakah anda bersetuju dengan pandangan tersebut untuk memperkatakan tentang zaman maklumat dalam konteks Malaysia? Sertakan contoh-contoh yang jelas bagi menerangkan hujah anda. (25 markah)

...2/-

Lampiran

(Dipetik dari Mingguan Malaysia, 11 Januari 1987.)

ZAMAN MAKLUMAT: PELUANG DAN PADAH KERENAHNYA

BILAKAH era baru zaman maklumat akan melanda keseluruhan hidup kita tidak kira bahawa kita berumah di pondok usang di tepi danau terpencil? Era baru zaman maklumat itu akan datang mendadak sebelum setiap dari kita sempat bersiap sedia menyambut ketibaannya. Demikian menurut setengah pihak yang sudahpun bergelut menyesuaikan diri dengan segala alat terbaru yang melambangkan zaman itu.

Di kampung, pondok telefon sistem atur bertenaga suria mengenalkan kita kepada ciptaan terbaru lahiran zaman maklumat itu. Dan telefon dalam kereta anak muda berjaya yang pulang menjenguk ayah-ibunya menarik perhatian kanak-kanak yang berkeliaran bermain di halaman rumah condong di tepi sawah.

Apabila kelab komputer sekolah menengah di pekan kecil berhampiran terhubung melalui talian telefon ke bank-bank data atau maklumat anjuran berbagai pihak di Kuala Lumpur, maka tidak lama lagi pelajar tingkatan satupun akan boleh agaknya menghampiri buku-buku tersimpan dalam bank maklumat di perpustakaan Dewan Kongres Amerika Syarikat.

Dunia akan seolah-olah menjadi semakin kecil kerana segala pengetahuan yang diterokai oleh bangsa Jepun misalnya akan diterjemah serentak selepas tekanan butang-butang tertentu. Dan segala maklumat ini akan dapat dihampiri oleh sesiapa sahaja yang mahukannya.

Kalau kilang-kilang kita enggan mengikut edaran zaman dan tidak mahu menggunakan robot dan robotiks, hasil keluaran kita tidak akan dapat bersaing dengan keluaran negara-negara lain yang sanggup berbuat demikian. Kalau sesebuah pejabat pemasaran antarabangsa masih enggan menggunakan alat-alat terbaru perhubungan, kita akan kalah dalam persaingan.

Kalau tercungkil kaedah tanam padi ala biosains yang amat ekonomik sekali dan para pesawah kita tidak dapat menggunakannya, alamat kita terpaksa makan beras paling mahal atau bersubsidi amat tinggi sekali. Demikianlah juga halnya dengan sayur dan buah-buahan kita.

Dan kalau para nelayan kita masih juga tidak sanggup ke laut dalam dengan kapal penuh dengan mikrochips, para pengguna akan mendesak kerajaan membenarkan lebih banyak ikan masuk dari negara-negara jiran. Siapa mahu makan ikan mahal tangkapan tempatan?

Lampiran

Mereka yang kini bertugas sebagai kerani fail dan jurutaip hendaklah pergi ke kelas malam belajar menggunakan "word processor" dan komputer. Kerja jenis ini adalah di antara yang mula-mula terancam oleh kedatangan era baru zaman maklumat ini. Yang kerja di kilang-kilang mestilah beringat-ingat. Hidup mereka juga akan ditempuhi oleh segala kerentah zaman baru ini.

-ooooOooo-